



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

25 Jun 2002

PEKELILING MAJIKAN BIL. 11/2002
KELULUSAN BANTUAN GERAN LATIHAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan bahawa Ahli Lembaga Pengarah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) memandang serius berhubung dengan majikan yang tidak menghantar pekerja mengikuti latihan setelah mendapat kelulusan geran daripada Urusetia Bahagian Geran Latihan PSMB.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Majikan yang berdaftar dan membayar levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) adalah layak untuk memohon bantuan geran latihan bagi membiayai kesemua atau sebahagian besar kos latihan dalam menjalankan latihan dan melatih semula pekerja, pembelian peralatan bantuan latihan dan penyediaan bilik latihan termasuk pembelian komputer.
- 2.2 Terdapat sebilangan besar majikan yang telah mendapat kelulusan geran latihan daripada PSMB tidak melaksanakan latihan yang telah diluluskan atau menghantar pekerja untuk mengikuti latihan seperti yang telah diluluskan.
- 2.3 Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada 30 April 2002, Ahli-ahli Lembaga Pengarah berpendapat bahawa majikan yang tidak melaksanakan aktiviti-aktiviti latihan yang telah diluluskan adalah tidak memandang dengan serius tentang kepentingan latihan kepada pengurusan operasi. Perkara ini dianggap sebagai suatu pembaziran masa yang produktif terhadap pegawai dan kakitangan PSMB yang telah memproses permohonan geran latihan berkenaan.

3. PERINGATAN

- 3.1 Majikan adalah diingatkan bahawa kehadiran pelatih untuk program yang telah diluluskan hendaklah sekurang-kurangnya 75%. Sekiranya situasi masih tidak berubah, PSMB akan mengenakan denda kepada majikan yang tidak mematuhi peringatan seperti yang di atas.

Sekian. Terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(MEJ (B) VAN WENG HONG)

Pengarah
Bahagian Geran Latihan
b.p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

